

KESULTANAN KEDAH: SATU PENGENALAN RINGKAS WILAYAH DAN JIRAN-JIRANNYA

Mior Ahmad Noor Mior Hamzah

GAMBARAN SEBUAH KERAJAAN MELAYU

Negeri Kedah Darulaman yang wujud hari ini merupakan sebuah dari Kerajaan Melayu tertua di rantau ini.¹ Tanpa mengambil kira tentang kesahihan Kerajaan Langkasuka dari segi kedudukannya, pedagang-pedagang Arab telah memperakui bahawa mereka telahpun sampai ke Kedah pada abad ke-9 Masihi.² Sebagaimana dengan sistem pemerintahan kerajaan lain, Kerajaan Kedah juga mempunyai ciri-ciri kerajaan yang berpemerintahan dan diperintah. Di kalangan pemerintah² terdiri dari seorang yang dipanggil Raja ataupun kemudiannya dipanggil Sultan.

Baginda akan dikelilingi oleh kaum kerabat yang akan menguat atau melemahkan pemerintahannya. Keupayaan baginda mendapatkan sokongan dari kaum kerabatnya akan menguatkan pemerintahannya, dan demikianlah sebaliknya. Bagi memastikan jentera pemerintahan atau pentadbirannya berjalan lancar, baginda mempunyai hairaki pembesar yang akan menjalankan tugas. Ada dua katogeri pembesar; iaitu yang berdampingan dengan pihak istana dan yang tinggal di daerah atau wilayah sebagai wakil Sultan atau pun pembesar di istana. Satu lagi golongan di kalangan kumpulan pemerintah ini ialah petugas-petugas Di Raja atau pembesar yang melaksanakan, tugas di istana mahupun sebagai penghubung pihak pemerintah dengan rakyat jelata.

Golongan kedua dalam menegakkan kerajaan Melayu ialah kalangan rakyat jelata. Merekalah harta yang terpenting bagi sesebuah kerajaan. Ramai dan kuatnya rakyat sesebuah negara akan menentukan kekuatan sesebuah kerajaan. Mereka tinggal di tepi sungai dan juga kawasan perlembahan dengan dipimpin oleh ketua yang dikenali sebagai Penghulu atau Demang. Bagi petempatan kecil, biasanya ketua keluarga yang besar atau yang datang terawal menjadi pemimpin mereka. Secara umumnya mereka ini terbahagi kepada dua kumpulan; iaitu rakyat merdeka dan hamba sahaya³.

Dalam menggerakkan sistem politik dan ekonomi sesebuah Kerajaan Melayu, ada lima faktor yang akan menentukan maju mundur atau kuat-lemahnya sebuah kerajaan. Keupayaan seseorang sultan menguasai kelima-lima faktor tersebut akan menjamin kekuatan dan kekuasaannya ke atas kerajaan tersebut. Kelima-lima faktor tersebut ialah kaum kerabat, pembesar (pegawai istana dan pembesar tempatan), rakyat (gunatenaga), hasil pertanian (kawasan pertanian) bersama lain-lain hasil (*natural resources*), dan jalan laluan perdagangan (laut, selat, pulau, sungai dan laluan darat). Dalam erti kata lain seseorang pemerintah perlukan pergantungan kepada kelima-lima faktor di atas baginya menjalankan pemerintahan dengan berkesan

dan penuh kejayaan. Antara satu sama lain saling berkait dan saling membantu dan memerlukan dalam pengertian yang luas.⁷

Aspek aspek ini juga merupakan satu asas kepada penubuhan sesebuah kerajaan yang diperlihatkan dari keadaan strategik dan juga pengembangan kuasa dan sempadannya. Dalam pengertian “sempadan-kuasa” sesebuah negeri dapat dilihat dari penguasaan ke atas kelima-lima faktor di atas. Ia juga menjadi satu dari sebab kenapa sesebuah Kerajaan Melayu itu berubah-ubah atau pun mengubah-ubahkan kota pemerintahannya. Kedudukan kota-kota itu akan dapat menjamin sesebuah kerajaan apabila ia berupaya menjadi pusat yang dapat mengawal kawasan di sekelilingnya.⁵ Inilah gambaran Kerajaan Melayu termasuk Kedah sebelum kedatangan kuasa barat.

Kedatangan kuasa barat yang bukan lagi bertujuan untuk berdagang semata-mata telah mengubah segala struktur dan susur galur di atas. Apabila mereka mula mahu menguasai jalan laut, mengawal laluan sungai dan mengawasi jalan darat, maka corak pemerintahan dan sistem ekonomi Kerajaan Melayu turut tergugat. Keadaan ini telah merubah sedikit demi sedikit perilaku pemerintahan dan keadaan ekonomi setempat yang sebelumnya di dalam pengawasan penuh pemerintah tempatan⁶. Apa yang berlaku ke atas Kedah, bermula dengan pendudukan Kapten Francis Light di Pulau Pinang pada 17 Julai 1786 dapat memberi gambaran di atas melalui perbincangan seterusnya⁷.

Sebelum dari pertapakan F. Light di Pulau Pinang, Kedah telah pun mempunyai jiran- jiran dari pelbagai sudut, kecuali di sebelah barat di sempadani oleh laut Selat Melaka. Walau bagaimanapun pulau-pulau di persekitaran pantainya adalah milik Kedah. Jiran-jiran yang dimaksudkan ialah:

- a. Utara. Di sebelah pantai barat, jauh ke utara ia bersempadan dengan Negeri Burma atau dahulunya lebih dikenali dengan Pegu. Di sebelah pantai timur bersempadan dengan Kerajaan Ligor di bawah Siam. Hari ini pusatnya di Nakhorn Sithamarat.
- b. Timur Laut. Bersempadan dengan Wilayah Singgora yang juga di bawah Siam. Sekarang dinamakan Songkhla.
- c. Timur. Bersempadan dengan Wilayah Chenak dan Tiba yang menjadi rebutan kepada Kedah, Singgora dan Patani. Sekarang dinamakan Wilayah Channa, Thipa dan Patani.
- d. Tenggara. Bersempadan dengan Negeri Melayu Patani.
- e. Selatan. Bersempadan dengan Negeri Melayu Perak dari pantai hingga ke pendalaman.

Kedua-dua jiran yang jauh di utara iaitu Burma yang berpusat di Ava, sebelah

barat. Manakala Siam pula sebelum akhir abad ke lapan belas berpusat di Ayuthia sebelah timurnya. Kedua-duanya kerajaan ini adalah pesaing kepada perkembangan Kerajaan Kedah. Kembang kuncup saiz Kerajaan Kedah banyak bergantung kepada kedua-dua kerajaan ini. Apabila kedua-dua kerajaan ini berada dalam keadaan perang, Kedah berupaya meluaskan wilayahnya jauh ke utara dari kedudukannya hari ini. Tetapi apabila salah sebuah darinya telah pulih, Kedah terpaksa memperakui kekuasaan ke atas salah satu atau kedua-duanya sekali.⁸

Oleh kerana kedudukan kedua-dua pusat pemerintahan Burma dan Siam berada jauh di utara atau di pendalaman negeri, maka banyak kali dari penguasaan ini terlepas dan Kedah kelihatan semacam bebas dari kongkongan. Hanya pada peringkat pemerintahan Dinasti Bangkok (tahun 1767 hingga sekarang) barulah Siam berupaya membuat tekanan yang lebih agresif ke atas Kedah melalui negeri jajahannya Ligor yang berkedudukan di sebelah utara pantai timur Semenanjung Melayu.⁹

Bagi Ligor, ia asalnya adalah sebuah kerajaan Melayu juga¹⁰. Kehadiran penaklukan Siam yang berterusan telah memupuskan kerajaan Melayu tersebut. Meskipun begitu, kerajaan ini sering juga bangun memberontak bagi melepaskan diri dari cengkaman penjajahan Siam apabila ada peluang dan kesempatan terutamanya semasa penyerangan Burma atau pun peralihan kepada dinasti baru. Melihat kepada kedudukannya, Ligor berupaya menjadi pusat pengumpulan dan pengedaran barang dagangan bagi pantai timur untuk diperdagangkan dengan Negeri China.

Keupayaan Siam menguasai Ligor pula akan memudahkannya menguasai negeri-negeri lain di pantai timur mahupun barat. Dari gambaran sejarah, Siam mengembangkan sayap kekuasaannya hanya setakat Ligor sahaja.¹¹ Kemudiannya menjadi tanggungjawab Ligor pula untuk mengembangkan pula wilayahnya ke selatan atau ke barat bagi pihak Siam. Ligor juga mendapat perhatian Burma dan pernah menaiklukinya.¹² Semasa keagungan Kedah, Ligor turut sama memperakui kekuatannya kerana mereka mengadakan hubungan perdagangan.¹³

Turun ke selatan di sebelah pantai timur Semenanjung Melayu, selepas dari Ligor ialah Singgora. Ia juga asalnya sebuah kerajaan Melayu. Seperti Ligor, Singgora juga dilenyapkan oleh Siam melalui Ligor. Kedua-dua kerajaan ini lenyap tradisi keMelayuannya kerana kekuatan Siam dan perkembangan Islam pula baru sahaja bertapak. Selain dari menguasai tepi pantai, Singgora juga luas tanah daratannya kerana kedudukannya berada di kawasan yang besar di Semenanjung Tanah Melayu. Tidak seperti Ligor berada di kawasan genting. Ini mewujudkan banyak laluan darat dari pantai barat ke pantai timur dan sebaliknya.¹⁴

Bagi Patani pula, sama seperti Kedah, telah wujud lebih lama atau setidaknya sezaman dengan Kerajaan Melaka¹⁵. Ia menjadi kerajaan Melayu Islam yang terkuat di pantai timur Semenanjung Melayu. Ia berkembang ke selatan sehingga melepasi negeri Kelantan. Di bahagian barat dan pendalaman, bersaing dengan Perak di sebelah hulunya dan dengan Kedah di sebelah baratnya. Ini menunjukkan kawasan Tiba dan Chenak menjadi kawasan rebutan sesama mereka (Kedah dan Patani)¹⁶.

KEDAH DAN HASIL MAHSULNYA

Secara keseluruhannya bagi Negeri Kedah dan jiran-jirannya yang dibincangkan di atas (termasuk Burma dan Siam terutama di bahagian selatan/hilir) mempunyai hasil keluaran yang hampir sama seperti; hasil bumi (sumber galian), hasil pertanian, hasil hutan dan hasil laut.¹⁷ Bagi hasil bumi, ia terdiri daripada bijih timah, bijih besi, wolfram dan habuk emas. Terdapat juga “lead” dan galena tetapi tidak meluas serta hasilnya tidak banyak. Pada peringkat akhir kurun ke sembilan belas ditemui dengan meluas dan banyak arang batu yang pada masa itu untuk kegunaan perkapalan dan bahan api.

Bagi hasil pertanian pula, ia terdiri dari hasil padi sawah dan padi bukit, pelbagai jenis lada; lada hitam dan lada putih, buah pinang, hasil sagu rembia, pelbagai jenis rempah; bunga cengkih, kayumanis, buah pelaga, “cutch” dan yang berkaitan, nila, gambir, kelapa, tebu dan juga jenis tanaman bermusim seperti durian, langsung, manggis dan lain-lain. Di samping hasil pertanian, terdapat juga hasil ternakan yang menghasilkan telur, daging dan kulitnya. Binatang peliharaan tersebut ialah ayam, itik, lembu, kerbau dan kambing.

Hasil hutan pula terdiri dari kayu-kayan dan juga binatang liar. Penghasilan ini adalah dalam bentuk kayu balak yang dijadikan pelbagai kegunaan seperti untuk membuat kapal, perahu dan juga pelbagai jenis bangunan. Hasil lain ialah akar dan daun kayu untuk dijadikan bahan ubat-ubatan, rotan, madu lebah, lilin, damar, kayu cendana, kayu gaharu, *sapan wood*, pewarna (*dye*) dari buah rotan yang lebih terkenal dengan nama *Dragon's Blood*. Hasil hutan dari kumpulan binatang pula terdiri dari harimau dan badak sumbu yang digunakan sebahagian dari anggotanya seperti tulang, kulit, sumbu atau gadingnya untuk ubat-ubatan. Di samping itu terdapat juga binatang liar untuk tujuan perburuan pada peringkat kemudiannya seperti rusa, kijang, sapi, dan pelbagai jenis binatang lain termasuk juga badak dan harimau. Satu lagi keistimewaan hutan di sini, sebahagian dari tempat tempatnya ada menghasilkan gajah dan kuda. Kedua-dua binatang ini amat diperlukan bagi tujuan pengangkutan sebagai tunggangan dan juga membawa barang, selain dari menggunakan binatang ternakan seperti kerbau dan juga lembu.

Manakala hasil laut pula terdiri daripada pelbagai jenis ikan yang dikeringkan dan dijeruk (*salt fish*), telur ikan terbuk, “fish maw”, sirip jerung, umpai-umpai (*beech de mer*), siput laut (*sea slug*), pelbagai jenis makanan laut (*sea food*), tripang (gamat), pelbagai jenis tiram, mutiara, garam dan juga belacan. Hasil dari pulau, ialah sarang burung (*birds nests*) dan juga jenis baja dari tahi burung laut dan juga kelawar. Pulau-pulau yang besar juga mempunyai hasil selain di atas seperti hasil bumi dan hasil hutan. Bagi kawasan pulau yang mempunyai ramai penduduk hasil pertanian juga turut diperoleh.

Apa yang membezakan antara hasil-hasil ini ialah dari segi kuantiti dan kualiti ataupun sesuatu hasil itu terdapat di sesebuah tempat tetapi tidak terdapat di tempat lain.¹⁸ Biasanya antara kerajaan-kerajaan ini saling bertukar-tukar barangan terutama bagi barangan makanan asas. Manakala barangan lain untuk tujuan eksport

dengan dunia luar¹⁹. Namun dari segi jalan perhubungan masih berterusan, apabila barangan dari Ligor misalnya dieksport melalui Kedah dan sebaliknya. Mereka menggunakan jalan darat yang menghubungkan kedua-dua kerajaan. Demikian juga di tempat lain. Hal sebegini telah membolehkan Kedah berdagang dengan kawasan pesisir pantai dan juga pedagang antarabangsa (Arab, Farsi, India dan China). Kedatangan pedagang Eropah kemudiannya (Portugis, Sepanyol, Belanda dan British) telah mengembangkan lagi perdagangan di kawasan ini²⁰.

KEDAH DAN WILAYAHNYA

Persempadanan negeri Kedah yang wujud pada hari ini adalah satu ketetapan yang telah dibuat oleh pihak lain. Sempadan di selatan bersama Perak ditentukan oleh pihak Syarikat Hindia Timur (EIC) di Pulau Pinang. Di sebelah utara bersempadan dengan Perlis, atas arahan Siam yang menjadi penaungnya. Manakala sempadan di pedalaman dengan Siam (dulunya Patani dan Singgora) adalah ditentukan oleh British di Malaya dengan Kerajaan Siam. Persempadannya yang wujud pada hari ini adalah jauh berbeza dengan apa yang wujud sebelumnya, lebih-lebih lagi pada zaman keagungan kekuasaannya sebagai sebuah kerajaan Melayu²¹. Secara ringkasnya, sempadan tradisional kerajaan Melayu adalah mengikut kekuatan sesebuah kerajaan tersebut.

Bagi negeri Kedah, sempadan tradisional yang ditunjukkan oleh penulis barat pada bahagian tepi pantai (laut) ialah dari muara Sungai Trang menuju ke selatan sehinggalah ke Sungai Kerian. Kedudukan di atas muka bumi adalah pada garis lintang 7° 20'U hingga ke 5° 10'U²². Ia menganjur kira-kira 150 batu panjangnya. Bagi sempadan yang dibentuk oleh pulau-pulau atau gugusan pulau-pulau, ia adalah berkedudukan selari dengan tanah darat. Dengan itu gugusan pulau Telibong, Tuba, Terutau dan banyak lagi pulau-pulau kecil lain adalah dalam negeri Kedah. Itulah gambaran Negeri Kedah di bahagian pantainya²³ Manakala sempadan di pedalaman jarang dinyatakan.

Keadaan di atas digambarkan oleh mereka setelah Kedah dikalahkan oleh Siam dalam peperangan muslihat pada 12 November 1821. Pada masa itu Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II (1804-1845) Sultan yang ke 21 telah menjadi pelarian politik di Pulau Pinang dan akhirnya di pindahkan ke Melaka atas desakan dan tekanan Siam. Pada masa itu Siam juga berada dalam keadaan kuat dan menang. Jadi penulis-penulis dari barat pada masa itu hanya dapat melihat keadaan kawasan Kedah yang terkecil sahaja dan memberikan kedudukan tempat sempadan itu mengikut kacamata mereka dalam keadaan semasa.²⁴

Bagi penentuan sempadan di pedalaman pula, digambarkan dari hulu Sungai Trang mengikut permatang dari banjaran Nakawan turun ke selatan sehingga ke perlembahan sungai-sungai yang mengalir ke Laut China Selatan di persekitaran Kampong Ban Khlong Kua, kira-kira 25 batu ke barat bandar Hadyai hari ini. Dari kawasan tersebut melalui permatang bukit yang rendah melepasi kawasan Sadao yang kemudiannya bertemu semula dengan banjaran Titiwangsa dan Bintang yang

menjadi punca (hulu) sungai-sungai di Kedah sehingga ke Sungai Krian. Kedudukan sebenarnya di atas muka bumi tidak dapat ditunjukkan dengan tepat, kecuali di tempat yang bernama Ban Prit (Kampong Perik) yang menjadi tempat perhentian laluan Jalan Alor Setar-Singgora. Ia juga sering disebut sebagai persempadanan terakhir Kedah-Singgora di pedalaman.²⁵

Persempadanan yang dibincangkan di atas kelihatan telah membahagikan sungai ke sungai. Adalah sukar untuk diterima pembahagian yang sedemikian rupa, iaitu sempadan di tepi laut dari sungai ke sungai. Manakala pendapat R. Bonney yang menyetujui pandangan Henry Burney juga boleh dipertikaikan. Ini kerana Sultan Kedah pada masa itu berada dalam keadaan sedemikian rupa selepas tewas mengejut kepada tentera Ligor. Sudah tentu baginda akan mengiyakan sahaja kenyataan dari Burney. Lebih-lebih lagi pada masa itu tahun 1825-26 Burney dalam misi ke Bangkok untuk merundingkan pengembalian takhta baginda. Sudah tentu pihak yang mengharapkan bantuan akan mengiyakan sahaja kenyataan pihak yang akan memberi pertolongan.

Dari segi persempadanan tradisional, apa yang digambarkan bukanlah suatu yang muktamad dan kekal. Ia banyak bergantung kepada kuat atau lemahnya kerajaan itu. Bagi Kedah, ia mengikut arah jirannya di utara iaitu Burma dan Siam, lebih-lebih lagi Siam. Perkembangan kedua-dua kuasa tersebut ke selatan telah menyebabkan perkembangan Kedah terbatas. Namun apabila kedua-dua kuasa ini mengalami zaman kemerosotan akibat perang atau peralihan dinasti, Kedah berupaya mengembangkan kuasa dan wilayahnya jauh ke utara sehingga melepasi batas sempadan yang dinyatakan terutamanya bagi kawasan pesisir pantai dan kepulauan.

Kedah mengalami zaman kemuncaknya dalam perluasan wilayah pada zaman Sultan Mohammad Jiwa Zainul Azilin Muazam Shah II yang memerintah dari tahun 1710-1778 (1122~1192H) iaitu sultan yang ke-19²⁶. Pada masa ini wilayah Kedah telah berkembang sehingga ketempat-tempat yang menjadi sempadan Siam dan Burma hari ini. Kawasan yang ditakluki berkembang dari Pulau Ujong Salang (Junk Ceylon/Puket) ke Tongka, Takuapa, Ranong di kawasan Segenting Kra hingga ke Pulau Dua (Victoria Point), Mergui, Tavoi dan Martaban (Moulmein) di Tenggara Burma.²⁷ Perluasan wilayah ini adalah atas daya usaha Tunku Anjang yang telah dilantik sebagai "Raja Laut" dengan gelaran "Maharaja Di Raja Segera".²⁸

Apa yang kurang jelas ialah tentang masyarakat setempat. Apakah mereka ini Melayu tempatan atau penghijrah dari Kedah. Dari segi kedudukan Semenanjung Melayu ternyata mereka adalah Melayu tempatan. Dari segi loghat atau dialek bahasa yang dipertuturkan dan pengakuan mereka ternyata mereka datang dari Kedah. Atau sekurang kurangnya pemimpin-pemimpin mereka berasal dari Kedah sebagai wakil pemerintah Kedah.²⁹ Walau dari mana sekalipun asal mereka di kawasan ini, apa yang penting sehingga akhir pemerintahan Sultan Mohammad Jiwa, Kedah telah meluaskan wilayahnya sampai ke sempadan Tennasserim di Burma. Hanya di Pulau Ujong Salang sahaja telah dapat ditawan kembali oleh penduduk tempatan melalui pemberontakan (campuran Orang China dan Siam).³⁰ Namun begitu dari gambaran sejarah seterusnya, peranan Kedah menawan kembali pulau

tersebut dari Burma dalam membantu Siam memperlihatkan keupayaan dan kekuatan Kedah.³¹

Kawasan yang dibincangkan ini (dari Pulau Ujong Salang ke utara) pada asalnya bukanlah milik Siam atau Burma, jika dilihat dari segi penempatan awal. Ia menjadi rebutan dan persaingan kedua-dua kuasa tersebut. Oleh yang demikian, apabila kedua-duanya lemah akibat peperangan sesama sendiri, Kedah berupaya mengembangkan kekuasaannya sampai ke sini. Bagi mentadbir wilayah/jajahan (kawasan) yang sebegini jauh, Kedah telah melantik pemimpin tempatan memerintah di bawah pengawasan pembesar-pembesar dari Kedah yang diberi tanggungjawab berkuasa di kawasan perairan. Dalam masa yang sama pembesar ini sebagai pentadbir dan pengutip cukai dari pajakan hasil laut.³² Kekuatan dan keupayaan Kedah ini tidak menjadi mustahil jika dilihat kepada kemampuan Kedah untuk menyediakan kapal-kapal bagi tujuan perdagangan dengan dunia luar. Sudah tentu Kedah³³ mampu menyediakan kapal-kapal untuk berperang dan meluaskan wilayahnya. Perluasan wilayah bermakna perluasan bagi mendapatkan dan menguasai kawasan pertanian, hasil-mahsul, tenaga manusia dan juga jalan perhubungan.

Keluasan wilayah dan pengembangan sempadan Kedah tidak berpanjangan. Pulihnya Kerajaan Siam di bawah Dinasti Chakri yang berpusat di Bangkok sejak dari Rama I (1782-1809) menjadikan pengaruh dan kekuasaan Kedah tidak dapat bertahan dan akhirnya merosot. Sebuah demi sebuah wilayah/jajahannya diambil oleh Siam atau Burma. Bermula dari peristiwa itu sempadan dan kuasa Kerajaan Kedah adalah sebagaimana yang digambarkan di atas. Namun dari segi pengaruhnya kepada penduduk setempat berkekalan. Ini dapat dilihat dari perkembangan penggunaan bahasa dan adat istiadat Melayu di bekas jajahan takluknya sebagai tanda Kerajaan Kedah telah dapat memainkan peranannya.³⁴

Perkembangan wilayah ini amat penting bagi Kedah untuk dibahagi-bahagikan kepada pembesarnya sebagai kawasan untuk ditadbir. Ini telah menjadi adat kepada sistem pentadbiran kerajaan Melayu. Perkembangan di kawasan utara ini dapat dilihat melalui perpindahan kota-kota yang menjadi pusat pentadbiran dan pemerintahan Kedah. Dari sejumlah lapan kota yang wujud sejak TM 1136, hanya dua pemerintahan terawal dan semasa pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin II (1804-1845) sahaja yang memerintah dan berkota di kawasan selatan, di Kuala Muda. Kota-kota tersebut ialah:³⁵

- a. Kota Bukit Meriam, TM 1136-1236, Bukit Meriam, Daerah Kuala Muda.
- b. Kota Sungai Emas, TM 1236-1280, Sungai Emas, Daerah Kuala Muda.
- c. Kota Siputih, TM 1280-1626, Kampong Siputih, Padang Sera, Daerah Kubang Pasu.
- d. Kota Naga, TM 1626-1654, Mukim Naga, 20 KM ke utara Alor Setar, Daerah

Kubang Pasu.

- e. Kota Sena, TM 1654-1664, Mukim Sena, Kangar, Perlis.
- f. Kota Indera Kayangan, TM 1664-1687, Kuala Perlis, Perlis.
- g. Kota Bukit Pinang, TM 1687-1735, Hulu Sungai Kedah, Daerah Alor Setar.
- h. Kota Setar (Anak Bukit), TM 1735-Kini, Daerah Alor Setar.

Dari gambaran kedudukan kota-kota di atas, adalah jelas bahawa pusat pemerintahan dan penempatan penduduk di negeri Melayu bertumpu di kuala dan lembah sungai. Ini bagi membolehkan penguasaan terhadap pengeluaran hasil dari pedalaman dan juga pengawalan ke atas penduduk. Sesiapa yang menguasai kuala dan batang sungai, dialah yang dapat menguasai hasil-mahsul yang keluar masuk sekaligus menguasai aktiviti ekonomi. Dengan menguasai ketiga-tiga sumber ini iaitu penduduk, ekonomi dan jalan laluan, Kedah berupaya mengembangkan empayar dan kawasan perdagangan. Dari segi kedudukan kota-kotanya pula, berada dalam satu lembangan delta yang luas. Ia bermula dari Lembangan Sungai Perlis di utara hingga ke Lembangan Sungai Kerian di selatan. Merangkumi sungai-sungai Perlis, Sanglang, Kedah, Merbuk, Muda, Perai dan Kerian. Lembangan ini berupaya menyediakan kawasan pertanian yang luas untuk tanaman makanan khususnya padi. Kawasan lembangan yang luas tidak terdapat di sebelah utara dari Perlis.

Kedah juga mempunyai pulau-pulau yang banyak seperti kepulauan Langkawi, Terutau, Telibong dan Ujong Salang yang menjadikan Kedah berupaya menguasai pintu masuk ke Selat Melaka. Ini dapat dilihat dari kepentingan pulau-pulau itu sebagai tempat persinggahan dalam pelayaran dan juga berteduh dari ancaman angin ribut. Oleh itu keadaan angin dan Selat Melaka telah menjadikan pulau-pulau di atas penting kepada pentadbiran.³⁶

KEDAH DAN LALUAN KE KAWASAN JIRAN

Pada zaman keagungannya sebelum akhir abad ke lapan belas, Kedah juga mempunyai banyak sungai-sungai yang boleh menjadi jalan laluan untuk perdagangan dengan kawasan pedalaman. Dianggarkan sebanyak 44 batang sungai yang boleh menjadi laluan utama ke kawasan pedalaman bagi mengeluarkan hasil hutan dan juga galian. Sungai-sungai tersebut ialah dari Sungai Kurau di selatan hinggalah ke Sungai Punggah di utara. Antara sungai-sungai yang besar ialah (dari utara) Sungai Trang, Sungai Lunggu, Sungai Setol, Sungai Perlis, Sungai Kedah, Sungai Merbuk, Sungai Muda dan Sungai Krian. Sungai Kurau pada masa sekarang berada di negeri Perak. Sebelum ini ia adalah kawasan yang diakui oleh Kedah sebagai kawasannya. Kedudukannya di atas muka bumi ialah pada garis lintang 5^o U. Punggah pula berada dalam kedudukan di tanah besar di hadapan Pulau Ujong Salang yang

berkedudukan pada garis lintang 8° 30' U.³⁷

Dari segi laluan darat pula adalah melepasi banjaran gunung yang menghubungkan Kedah dengan negeri jirannya atau di kawasan pantai timur Semenanjung. Bagi Kedah di bahagian selatan ia boleh sampai ke Kelantan dan Patani. Kedah Tengah dan Utara pula ke Singgora dan kawasan di utara dapat dihubungkan hingga ke Ligor. Manakala di kawasan Tennasserim Selatan (Pulau Dua dan Ranong) boleh sampai ke Chomphon atau Chaiya di Teluk Siam. Penguasaan jalan darat ini amat penting kerana memendekkan masa perjalanan perdagangan dalam pelayaran, yang pada masa dahulu amat bergantung kepada musim angin monsun. Di antara contoh laluan tersebut ialah:

a. Dari Kuala Muda mengikut Sungai Muda sampai ke Baling dekat sempadan Kedah-Patani. Dari sini merentasi utara banjaran Titiwangsa ke Kroh (Pengkalan Hulu) di Perak. Untuk ke Kelantan melalui jalan/laluan Lembah Belom menuju ke Sungai Pergau dan turun ke Sungai Kelantan. Tempat transit yang terpenting ialah di Tomoh. Dari Kroh juga boleh ke selatan Patani melalui Betong menuju ke Kota Baru, Reman dan menuju ke Narathiwat (Manara).³⁸

b. Dari Kuala Kedah pula mengikut Sungai Kedah menuju Kuala Nerang. Dari Kuala Nerang merentasi Sungai Sari menuju ke Padang Sanai terus ke Kuala Seraya sampai ke Kampong Tok Naidam Mok. Dari sini ada dua laluan ke Patani, melalui kanan ke Tiba, laluan sebelah kiri ke Chenak. Dengan melalui laluan kanan menuju ke Kampong Perduan Sungkai, di tebing Sungai Timun. Inilah kampong terakhir di Kedah (sempadan tahun 1909). Untuk masuk ke Tiba, melalui aliran Sungai Genting Pahat menuju ke Genting Pahat yang panjangnya 50 ela, dalamnya 10 kaki dan lebarnya 3 kaki. Di tengah-tengah genting inilah batu sempadan nombor 34 yang menjadi sempadan Kedah-Siam hari ini. Kampong terdekat di sebelah Tiba ialah Senaok.³⁹

c. Bagi laluan dari Alor Setar ke Singgora pula, ia melalui jalan darat terus menerus tanpa ikut sungai. Ia dinamakan jalan/laluan bergajah dari Alor Setar ke Kepala Batas terus ke Jitra, Bukit Kayu Hitam, Sadao, Ban Prit dan terus ke Hadyai dan Singgora.

d. Laluan dari Perlis pula dari Kuala Perlis ke Kangar, ke Bukit China, masuk ke Setol. Satu lagi simpang dari Kangar ke Padang Besar terus ke Setol. Jika melencong ke kanan selepas Padang Besar ke Ban Khlong Ne di utara Sadao dan terus ke selatan Hadyai.⁴⁰

e. Bagi kawasan di utara iaitu dari Setol ke Singgora,⁴¹ dari Trang ke Ligor,⁴² dari Punggah ke Singgora, Chaiya (Surat Thani), dari Ranong ke Lang Suan (Chomphon) dan dari Mergui ikut Sungai Tennasserim menuju ke Ban Thapan dekat Kok Lah di selatan atau ke Maudaung Pass di sebelah utara menuju ke Prachuap

Khiri Khan.

Dari segi pembahagian kawasan hasil-mahsul di Kedah dan kawasan yang menjadi wilayahnya seperti berikut:

- a. Pulau-pulau. Hampir semua pulau mempunyai gua-gua yang menghasilkan sarang burung, atau sekurang-kurangnya menghasilkan baja tahi burung dan kelawar. Ada juga pulau yang besar menghasilkan kayu dan hasil hutan lain serta hasil pertanian.
- b. Kawasan perairan. Kaya dengan hasil tripang, tiram, mutiara dan hasil laut yang lain. Tripang banyak di kepulauan Langkawi dan Terutau, manakala tiram banyak terdapat di kepulauan kawasan Tennasserim (Mergui ke selatan), manakala bijih pula banyak di Pulau Ujong Salang.
- c. Kawasan di tepi pantai dan lembah hilir sungai. Menjadi kawasan pertanian padi dan lain-lain jenis tanaman makanan untuk keperluan tempatan dan pasaran.
- d. Kawasan tengah dan anak-anak sungai. Menjadi tempat pengeluaran hasil bijih yang turun dari banjaran gunung di sebelah hulu atau pedalaman.
- e. Kawasan hutan. Menjadi pengeluar hasil hutan dan juga hasil galian. Ia juga menjadi tempat pengembangan kawasan pertanian akibat dari penambahan penduduk.

Biasanya bagi persekitaran perkampungan yang berpaya air tawar untuk tujuan tanaman padi seperti di Lembah Baling dan Lembah Sintok/Sungai Kecil yang bersempadan dengan Patani. Pembahagian kawasan dan hasil di kawasan darat tidaklah rigid sehingga mana bijih atau tanaman pertanian hanya berada di kawasannya sahaja. Sebenarnya ia adalah berlapis (*over lapping*). Pembahagian kasar ini hanya untuk memudahkan perbincangan dan pemahaman sahaja.

Dalam pengendalian pengumpulan hasil-hasil; sama ada pertanian, laut mahupun hutan, biasanya pada tiap-tiap kuala sungai yang besar mempunyai pangkalan atau pelabuhan sendiri. Tempat ini menjadi bandar atau pekan untuk kawasan setempat. Kedudukannya bukanlah terlalu hampir dengan kuala atau muara sungai. Ini untuk mengelakkan daripada angin dan juga air pasang surut. Lagi pun kebanyakan muara sungai adalah kawasan berpaya yang luas. Oleh itu majoritinya berada pada jarak antara 2-10 batu dari muara sungai. Misalnya Ranong tidak terletak di muara Sungai Ranong tetapi berada pada kedudukan 5 batu dari kualanya, demikian dengan Batu Lintang (Trang) 10 batu dari muara Sungai Trang. Begitulah juga dengan Lungu, Setol, Kangar, Kedah (Alor Setar), Kota di Sungai Muda, Pengkalan di Sungai Perai dan Pengkalan Rawa di Sungai Krian. Tempat-tempat inilah yang menjadi pengumpul hasil dari kawasan pedalaman dan pengedar barangan dari kawasan lain ke pedalaman. Bagi kebanyakan tempat, di sinilah juga menjadi pusat pentadbiran pembesar wilayah bagi pihak sultan.

Semua hasil dan kawasan pemerintahan adalah monopoli Di Raja. Namun begitu, seseorang pemerintah di pusat tidak akan dapat berfungsi dengan baik dan sempurna tanpa perakuan dan taat setia dari pembesarnya. Ini kerana kekuasaan pusat hanya terbatas di kuala sungainya dan satu dua anak sungai yang berhampiran sahaja.⁴³ Manakala sungai-sungai besar lain yang terletak jauh dari pusat berada di bawah pemerintahan pembesar tempatan. Ini terjadi secara semula jadi iaitu beliau sebagai pembuka kawasan atau pun menerima kawasan itu atas perlantikan mahu pun anugerah dari pusat. Keupayaan untuk menguasai daerah-daerah ini adalah menjamin kekuasaan dan ekonomi pusat melalui cukai terhadap hasil-mahsul atau pajakan serta mendapat tenaga buruh melalui sistem kerah.

Hubungan dua hala dan timbal balas antara pusat dengan penempatan pembesar akan menentukan kuat lemahnya sesebuah kerajaan itu. Bagi pusat yang dapat mengawal pembesar dan sumber hasilnya, maka kuatlah kerajaan itu. Inilah gambaran keagungan sesebuah Kerajaan Melayu. Kekuatan pemeritahan pusat akan memudahkan perkembangan wilayah dan jajahan. Demikianlah sebaliknya, pembesar boleh menimbulkan banyak masalah dalaman. Kecenderungan untuk negeri itu dijajah dan ditaluki terbuka luas meskipun tidak pada keseluruhannya. Inilah juga yang berlaku kepada Kedah; bahawa wilayahnya satu demi satu diambil oleh Burma atau Siam atau pun memberontak membebaskan diri sebelum ia jatuh ke tangan Siam secara rasmi pada 12 November 1821.⁴⁴

Bagi Kerajaan Melayu, terutamanya Kerajaan Kedah dalam kontek perbincangan ini amat memerlukan hasil-hasil tersebut dan penguasaan ke atas tempatnya. Ini bagi memastikan supaya hasil itu berterusan untuk keperluan sendiri dan juga perdagangannya. Dalam kontek perdagangan antarabangsa, hasil-mahsul di negeri Melayu amnya dan Kedah khasnya mendapat tempat dan pasaran di timur (China) dan barat (India dan Arab, kemudiannya Eropah). Secara ringkas barangan keperluan China ialah bijih timah dan bijih besi, hasil hutan seperti daun dan akar kayu, madu lebah, kulit, tulang dan sumbu harimau dan badak untuk ubat-ubatan. Barangan dari laut seperti sirip jerung, "fish maw", umpai-umpai dan sarang burung adalah untuk makanan kelas atasan, tripang atau gamat untuk perubatan⁴⁵.

Bagi keperluan barat pula seperti semua jenis galian, pelbagai jenis kayu untuk perkapalan, lilin, damar, kayu gaharu, dan kayu cendana untuk dijadikan bahan minyak wangi dan juga untuk campuran bahan keagamaan, terutamanya kayu gaharu kepada masyarakat kelas atasan di India dan Arab. Jika China perlukan barangan dari harimau dan badak, tetapi India amat memerlukan gajah dan kuda dari kawasan sini. Pada peringkat tradisional, peranan ini dimainkan oleh Kedah. Tetapi setelah pembukaan Pulau Pinang, ia pula mengambil alih peranan Kedah. Kerana mahu meneruskan peranan Pulau Pinang sebagai pelabuhan enterport dan bagi memenuhi keperluan mereka untuk berdagang terus dengan China, maka sebuah demi sebuah negeri Melayu di sekeliling Pulau Pinang jatuh ke tangan British. Perbincangan ini lebih menarik lagi apabila mereka terpaksa berhadapan dengan permasalahan setempat dan juga Kerajaan Siam yang mengaku menjadi Yang Di Pertuan bagi negeri-negeri Melayu ini.

PENUTUP

Berdasarkan perbincangan yang diutarakan di atas, ia adalah satu penjelasan tentang kawasan tradisional Kerajaan Melayu Kedah sebelum dijajah oleh Siam. Nasib Kerajaan Melayu Kedah bertambah malang apabila British yang dianggapkan “sahabat-bersahabat” sejak kuasa barat itu menduduki Pulau Pinang telah membelakangkan nilai tersebut. Kerajaan Melayu Kedah bukan sahaja telah ditakluk oleh Siam dan British, malah wilayah kekuasaan Kedah kemudiannya dipecah-pecahkan.

Satu perkara yang lebih mendukacitakan ialah kerana kepentingan yang lebih terhadap Siam. Pihak British telahpun membahagi-bahagikan kawasan Semenanjung Melayu di antara mereka dengan Kerajaan Siam melalui perjanjian yang ditandatangani pada 1909. Perjanjian tersebut bukan sahaja menyebabkan Kedah kehilangan wilayah, malahan negeri-negeri jiran khususnya Perak, Kelantan dan Patani turut menerima nasib yang sama. Pembahagian tersebut kekal sehingga ke hari ini di mana sebahagian Semenanjung Melayu menjadi milik Siam (Thailand) dan sebahagian lagi di bawah kuasa kerajaan Malaysia.

NOTAHUJUNG

1 Gambaran awal Kedah di bawah pengaruh zaman batu, Hindu dan Budha secara ringkas sila lihat Rolland Bonney, **Kedah 1771-1821, The Search For Security And Independence**, Kuala Lumpur, Oxford University Press, 1971, hal. 12-13. Bagi kerajaan Langkasuka, kedudukannya tidak sah sama ada di pantai barat atau pun di pantai timur Semenanjung Melayu, R.O. Winstedt, “History of Kedah”, **JSBRAS**, No. 81, 1920, hal. 29, menyatakannya di Kedah, manakala Mohd. Zamberi A. Malek, **Umat Islam Patani, Sejarah dan Politik**, Shah Alam, Hizbi, 1993, hal. 1-15, menyatakannya di Patani. Untuk keterangan kedatangan pedagang Arab, lihat R.O. Winstedt, “Notes on the History of Kedah”, **JMBRAS**, Vol. 14, Pt. 3, 1936, hal. 155-156.

2 Perbincangan mendalam tentang bentuk sistem pemerintahan sesebuah kerajaan Melayu, khasnya di pantai barat Semenanjung, sila lihat, J. M. Gullick, **Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat**, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Puatata, 1970. (terjemahan)

3 Penjelasan lanjut tentang kumpulan ini, lihat Ibid. Lihat juga Radin Soenarno, “Malay Nationalism 1900-1945”, **JSEAB**, Vol. 1, No. 1, Mar 1960.

4 Dalam konteks pemerintahan tradisional, kepentingan seseorang rakyat itu tidak ditonjolkan kecuali jika ia telah berjasa. Namun pada hakikatnya seseorang pemerintah itu tidak akan berfungsi tanpa rakyat yang mendokongnya. Perbincangan seterusnya memperlihatkan bahawa Kerajaan Melayu itu akan terus wujud, walaupun negerinya telah tertawan.

5 Kesultanan Kedah mengubah kota pemerintahannya bagi memudahkan menguasai

kawasan sekeliling dalam konteks semasa. Bagi perbincangan Kerajaan Melayu lain, lihat Shaharil Talib, "The Port and Polity of Terengganu During the Eighteenth and Nineteenth Centuries: Realising its Potential", dalam **The Southeast Asian Port and Polity, Rise and Demise**, (ed.), J. Kathirithamby-Wells and John Villiers, Singapore, Singapore University Press, NUS, 1990, hal. 212-230.

6 Penjajahan Portugis di Melaka pada tahun 1511 telah membuka ruang kepada mereka untuk berdagang dan menguasai kerajaan. Diikuti dengan Sepanyol di Filipina utara, Belanda kemudiannya ke kepulauan Indonesia. British hanya mampu bertapak di India. Usaha mereka di Patani, Kedah, Ambon, dan akhirnya di Balambangan gagal apabila mereka terhalau keluar akibat dari pesaing mereka terutamanya Belanda. Kejayaan F. Light di Pulau Pinang memberi nafas baru kepada British dan sejarah baru kepada kerajaan Melayu di semenanjung Tanah Melayu.

7 Ini adalah tarikh Light menjejak kaki di Pulau Pinang, manakala peristiharan pendudukan dibuat pada 11 Ogos 1786. Keterangan lanjut lihat, "Notices of Pinang, Proclamation", dalam akhbar "Pinang Gazette", 2 November 1850, dengan memetik daripada artikel dalam **Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia**, (JIAEA), Oktober 1850.

8 Masalah perakuan ini dikaitkan dengan Bunga Emas. Sama ada ia sebagai tanda persahabatan atau perakuan kuasa, bergantung kepada interpretasi kedua pihak. Kerajaan Melayu lebih menganggap sebagai tanda persahabatan, manakala Kerajaan Siam sebaliknya, sebagai perakuan pertuanan. Keterangan lanjut lihat:

a John Anderson, "Political and Commercial Considerations Relative to the Malayan Peninsula", **MBRAS**, Reprint No. 11, Vol. 35, Pt. 4 (No. 200) ulang cetak 1989, hal. 29 dan 61.

b L.A. Mills, "British Malaya 1824-67", **JMBRAS**, Vol. 33, Pt. 3, 1960, (No. 191), hal. 43-46.

c R. Bonney, *Op. Cit.*, hal. 11.

d Nik Mohammed Nik Mohd. Salleh, "Kelantan In Transition: 1891-191011, dalam W.R. Roff, (ed.), **Kelantan, Religion, Society and Politics In A Malay State**, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1974, hal. 34.

e Abdullah Zakaria Ghazali, "Bunga Emas: Satu Tinjauan Dalam Hubungan Terengganu-Siam", dalam **MIH**, Vol. 21, No. 1, Jun 1978, hal. 32-37.

f Ismail Bakti, "Bunga Emas-Golden Flowers: Gift or Tributes", dalam **MIH**, Vol. 22, Mei 1979, hal. 153-155.

g J.T. Cushman dan A.C. Milner, "18th and 19th Century Chinese Accounts of Malay Peninsula", **JMBRAS**, Vol. 52, Pt. 1, 1979, hal. 7.

9 Bukti penguasaan Siam ke atas Kerajaan Melayu (kecuali di Ligor dan Singgora) hanya berasaskan pengakuan sahaja yang mereka berkuasa ke atas wilayah tersebut. Dari segi pengaruh ke atas pemerintahan dan sistem sosial tidak jelas ataupun mungkin tidak ada. Hanya selepas kemenangan ke atas Patani pada tahun 1785 dan di Kedah pada 1821 barulah nyata pendudukan mereka di wilayah berkenaan.

10 Lihat Mohd Zambri A. Malek, *Op.Cit.*, hal. 15-18.

11 Lihat "The Burney Papers", Vol. 2, Pt. 4, Bangkok, Vajirana National Library, 1911, hal. 176-177.

12 Lihat kenyataan Kapten Francis Light dalam catatan Wurtzburg, C.E., "A Letter From Captain Light to Lord Cornwallis, Dated 10th June 178811, **JMBRAS**, Vol. 16, Pt. 1, 1938, hal. 123.

13 Di bawah pemerintahan Siam, Ligor tidak pernah menyerang Kedah. Ia juga sentiasa mencari kesempatan untuk membebaskan diri dari cengkaman Siam. Sejarah memperlihatkan Ligor membebaskan diri bagi setiap kali Siam kalah teruk dengan Burma ataupun semasa peralihan satu-satu dinasti. Misalnya pada tahun 1620an, semasa King Jetta berada dalam pemerintahan boneka Phya Sri Worawong yang bersaing dengan Phya Kalahom, tahun 1691 memberontak bersama-sama Gabenor Korat, tahun 1769 memberontak pada zaman awal Taksin. Keterangan lanjut, lihat W.A.R. Wood, **A History of Siam, From the Earliest Times to the Year A.D. 1781**, With a Supplement Dealing With More Recent Events, Bangkok, 1959, hal. 175, 220-221, dan 250-258. Lihat juga Kobkua Suwannathat Pian, **Thai Malay Relations, Traditional Intra-Regional Relations From 17th to Early 20th Century**, Oxford University Press, Singapore, 1988, hal. 3-8, beliau menyatakan tahun 1767, bukan sebagaimana Wood, tahun 1769. Lihat juga R. Bonney, **Op. Cit.**, hal. 17, beliau pula menyatakan tahun 1630 bukan tahun 1620an.

14 Lihat "The Burney Papers", Vol. 2, Pt. 4, **Op. Cit.**, hal. 177-178.

15 Lihat Mohd Zambri A. Malek, **Op. Cit.**, hal. 18-22.

16 Kedua-dua kawasan ini menjadi rebutan antara Kedah dan Patani. Dari segi kedudukan, ia berada di dalam lembahan Patani. Perkembangan Siam ke selatan menyebabkan kawasan ini termasuk dalam pemerintahan Singgora.

17 Susunan dan jenis hasil yang dinyatakan adalah dari penyusunan yang dibuat sendiri oleh penulis berdasarkan kepada pengumpulan maklumat dari bahan rujukan terutamanya, C. E. Wurtzburg, "A Brief Account Of Several Countries Surrounding Prince Of Wales Island With Their Production Recorded From Captain Light", **JMBRAS**, Vol. 16, Pt. 1, 1938, hal. 123-126.

18 Kualiti dan kuantiti mengikut tempat dan sejauh mana ia diusahakan. Misalnya bijih timah, ia tidak berkembang sehinggalah kedatangan orang-orang Cina yang mengerjakannya secara besar-besaran kerana orang Melayu hanya bekerja secara sambilan sahaja, sementara menanti pekerjaan utama yang bermusim seperti menanam padi atau buah-buahan. Demikianlah dengan perusahaan atau pun pekerjaan lain. Begitu juga dengan gajah dan kuda misalnya. Gajah banyak di Semenanjung Melayu, kuda pula terdapat di Sumatera dan juga Borneo Utara.

19 Bagi Semenanjung Melayu, beras banyak terdapat di Kedah dan garam di Patani. Kedua-dua hasil ini menjadi asas kepada barang makanan lain. Pertukaran ini bagi membolehkan mereka mendapat barangan lain yang mereka tidak ada. Banyak dan pentingnya beras di Kedah dan kepentingan garam dari Patani membolehkan kerajaan ini berdagang.

20 Bagi barangan di pesisir, Kedah adalah sebagai pengumpulnya untuk pasaran antarabangsa, manakala barangan antara bangsa pula dijual di Kedah untuk dipasarkan kepada kawasan sekeliling. Ini adalah kerana Kedah menjadi pusat pengumpulan dan

pengedar barangan. Lihat R. Bonney, *Op. Cit.*, hal. 7.

21 Adakalanya sempadan sesebuah kerajaan itu melepasi kawasan. Kadangkala ia menjadi kecil. Ini semua bergantung kepada sejauhmana kuasa kerajaan itu dapat menguasai sempadannya.

22 Ini gambaran kedudukan sempadan Kedah sebagaimana yang digambarkan oleh John Anderson, *Op. Cit.*, hal. 40. T.J. Newbold, **Political and Statistical Account of British Settlement in the Straits Of Malacca**, Vol. 11, London, 1839, diterbitkan semula oleh Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1971, hal. 2. J.H. Moor, **Notices of the Indian Archipelago and the Adjacent Countries**, Singapore, 1837, hal. 242. H. Malcom, **Travels in South Eastern Asia @ racing Hindustan, Malaya, Siam and China, etc**, Vol. 11, Boston, 1839, hal. 102. Muhammad Hassan Tok Kerani Mohd. Arshad, **Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah**, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1968, hal. 122. Seorang lagi penulis ialah R. Bonney, *Op. Cit.*, hal. 4. tidak berapa setuju dengan Sungai Trang sebagai sempadan berpandukan kepada rekod-rekod yang ada pada Siam sebagaimana dinyatakan oleh Henry Burney. Beliau memperkuat kenyataan ini adalah hasil pengesahan kedua-dua pihak pada tahun 1825. Dengan itu, beliau telah membuat ketetapan bahawa sempadan di utara bagi Kedah ialah aliran sungai kecil yang bernama Oopih di garis lintang 7 darjah 5 minit di hulu sedikit dari Teluk Awan dan di sebelah pinggir selatan lembah Sungai Trang. Garisan lintang yang digunakan ialah pada permukaan kuala sungai, bukannya lembahan.

23 Lihat Kobkua Suwannathat Pian, **Pulau Langkawi Dalam Sejarah Negeri Kedah**, (tanpa tarikh dan tanpa penerbitan), Perpustakaan Arkib Negara Malaysia Cawangan Kedah, hal. 11.

24 Berdasarkan kepada tarikh cetakan buku-buku mereka, jelas penulisan ini dibuat selepas kejatuhan Kedah. Mereka menulis berdasarkan penglihatan mereka semasa rakyat Kedah sudah tidak bermaya di bawah tekanan Siam. Kecuali John Anderson yang datang ke Pulau Pinang lebih awal lagi tetapi semasa itu pengaruh Kedah begitu teruk sekali. Sultan Ahmad Tajuddin sudah mengikut telunjuk Siam sahaja kerana tahtjanya diperoleh dengan jasa Siam walaupun dilantik mengikut adat.

25 Kenyataan Ban Prik sebagai per sempadan terakhir Kedah-Singgora dapat dilihat dalam "Pinang Gazette", 27 Feb. 1909. Sebelum catatan ini hanya ditemui perkataan atau istilah "on the Kedah-Singgora baunding" atau "Kedah-Siam frontier". Faktor yang memperkuat kawasan Ban Prik diperakui sebagai sempadan ialah pembesar Siam yang melawat Kedah akan bermalam di sini. Juga terdapatnya sebatang sungai yang merentangi/mengalir di kawasan ini yang menjadi laluan Kedah-Singgora. Jalan ini telah dibina oleh Sultan Kedah pada tahun 1864 dari Alor Setar sampai ke sungai tersebut. Dari kawasan ini ke utara disambung pula oleh pemerintah Singgora. Perihal pembesar bermalam, lihat "Pinang Gazette", 15 Jul. 1908.

26 Haji Wan Samsuddin Mohd Yusuf, "Salasilah Duli Duli Yang Maha Mulia Sultan Negeri Kedah Darulaman, TM1136 Hingga Sekarang", dalam **Alor Setar 250 Tahun**, Kerajaan Kedah Darulaman, Alor Star, 1990, hal. 11. Lihat juga M. Hassan Tok Kerani, *Op. Cit.*, hal. 110-128, tetapi terdapat perbezaan dari segi tarikh.

27 Moulmein atau Martaban dikatakan, *This place, which is in latitude 16° 28", was probably the most northern limit of the navigation of the Malays*, lihat John Crawford **A Descriptive Dictionary of the Indian Islands and Adjacent Countries**, London, 1856, ulang cetak di India, Chaukhamba Orientalia, 1974, hal. 271. Oleh kerana Kedah merupakan kerajaan di utara yang kuat, besar kemungkinan, Melayu yang sampai ke kawasan ini datang dari Kedah.

28 Lihat M. Hassan Tok Kerani, **Op. Cit.**, hal. 121-128.

29 Penulis telah sampai ke kawasan ini pada awal April dan November 1992. Al Tarikh Salasilah Negeri Kedah Darulaman karangan Wan Yahya bin Wan Mohd Taib Temenggong, Penang, Dicap oleh Mathba'k Printing and Straits Press, Tanpa Tarikh, hal. 8, (Jawi), menggambarkan wilayah Kedah sampai ke Mergui. Begitu juga dengan kenyataan yang dibuat oleh J.H. Moor berkenaan Ranong, "We have been told that a colony of Malays under a Malay chief was within a few years back settled at a place called Rinning or Rinnong on the western shore of the Isthmus Kraw (Kra), but that the Burmese attacked and laid it waste, then the inhabitants fled and settled at the place Sewun (Lang Sewung), **Op. Cit.**, hal. 155 tambahan. Dikatakan semasa J.H. Moor sampai ke sini (Sewun) pada Januari 1826, penduduk Melayu yang mendiaminya adalah seramai 800 orang.

30 Lihat kenyataan Captain Light tentang Pulau Salang dalam laporan tahunan Kedah bagi tahun 1327 A.H. oleh W. G. Maxwell, "The Annual Report Of The Adviser To The Kedah Government Of The Year 1327 AE (23rd January 1909- 12th January 1910)", Kuala Lumpur, Government Printing Office, 1910, hal. 6-7 dan juga dalam buku John Anderson, **Op. Cit.**, hal. Appendix 98.

31 Muhammad Yusuff bin Hashim, **Syair Sultan Maulana**, Kuala Lumpur, Penerbit Universiti Malaya, 1980, menganotiskan syair tentang Kedah membantu Siam merampas kembali Pulau Salang dari Burma pada tahun 1814.

32 Pajak kepada pulau-pulau yang mempunyai sarang-sarang burung semasa Sultan Muhammad Jiwa antara \$1200 -\$1500 setahun. Adalah dipercayai pajakan ini berterusan semasa pemerintahan kemudiannya. Ini diperlihatkan oleh rekod berikut: "Letter from Commissioner Tenasserim Province, Henry M. Durand to H.J. Halliday, Secretary to Government of Bengal, Fort William, dated 25th Mac 1845: I have the honour to inform you that subsequently to my return from Pak Chan river to this place Datoo Juan (Dato Johan?) Head Malay of Cheding come in and pressed a request that the farm of birds nests on the Island of Mergui Archipelago might be continued to him..... The document dated 1828, specifies no limit to time for which Datoo Juan was to enjoy the farm that man age being great He was accordingly informed that the birds nests farm would be continued to him during his life but not to his family after his death. In the office at Mergui the oldest clerk in the office stated that Datoo Juan had held farm ever since he/Mr. Hulton/ had'been at Mergui." Dipetik dari Foreign Department 1845 - Tennasserim Revinue Consultation 23 April 1845, No. 61. (National Archive Of India, New Delhi). Jika Datoo Juan ini adalah Dato Johan Pahlawan (Perkasa) seorang dari orang Besar Kedah, yang mungkin ditugaskan untuk mentadbir dan mengutip sarang burung semasa zaman keagungan Kedah, atau pun waris-warisnya, maka Dato Johan yang digambarkan di bawah ini boleh menguatkan lagi andaian atau kenyataan di atas:

a. Surat Master Attendant Pulau Pinang kepada Robert Ibetson, 8 April 1824, tentang penahanan kapal Datol Johan dari Sungai Perai yang disyaki melanun di perairan Selat Melaka walaupun didaftarkan untuk memungut tripang (*sea slug*) di pulau-pulau di utara Pulau Pinang. Lihat SSFR (IOL) Vol. 94, ff. 455-457.

b. Surat Sultan Kedah kepada Gabenor Pulau Pinang, 18 Jun 1826, yang meminta pihak Gabenor memulangkan kembali kapal (perahu) dan senjata-senjata yang dirampas dari Datol Johan Perkasa kerana beliau telah diberi pajakan oleh Mr. Maingy Gabenor Tavoi dan Mergui untuk memungut sarang burung di kepulauan dalam daerah jagaanya. Lihat SSFR (IOL) Vol. 110, ff. 166170.

Melalui penyelidikan ke kawasan ini juga iaitu di Pulau Dua dan di Ranong, mereka membuat pengakuan "Kami berasal dari Kedah, kerana begitulah yang dipersampaikan kepada kami oleh datuk nenek kami dari satu keturunan ke satu keturunan. Kami hanya mendengar sahaja tetapi tidak pernah menjejek kaki ke sana". Kenyataan oleh Tuan Haji Abdul Kadir Haji Daud, Imam Masjid Kampong Khamphuan, Ranong, Selatan Thai, pada 23 November 1987 semasa lawatan Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Kedah, ke tempat tersebut. Lihat laporan lawatan berkenaan yang bertajuk "Air Sejuk" pada halaman pengantar.

33 Sultan Kedah dikatakan bersama-sama dengan kesultanan Aceh dan Gowa dari Maluku telah pun mempunyai kapal-kapal dagang untuk tujuan perdagangan. Lihat Sinnaph Arasartnam, **Pre Modern Commerce and Society in Southern Asia**, Jabatan percetakan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1972, hal. 13.

34 Penempatan Orang Melayu bagi kawasan ini masih kekal. Meskipun ditekan dan ditindas oleh Siam atau pun Burma, mereka masih mampu mempertahankan dan mengekalkan nilai-nilai tradisi Melayu, seperti berbahasa dan berbudaya Melayu. Bagi kawasan Tenneserrim iaitu dari Mergui ke Pulau Dua, terdapat sebanyak 42 buah kampung Melayu yang lengkap dengan masjid (surau) dan sekolah. Bagi kampung-kampung Melayu di utara dari Mergui telah pun bercampur dan didominasi oleh orang-orang Burma atau pun China. Pernyataan ini adalah dari pengakuan oleh penduduk Melayu dan Islam yang ditemui semasa lawatan dan penyelidikan ke daerah Pulau Dua dan Juga di Ranong pada awal April dan November 1992. Bukti perkembangan Bahasa Melayu terhadap penduduk setempat terutamanya masyarakat asli dapat dilihat dalam Walter Grainge White, **The Sea Gypsies of Malaya, An Account of Nomadic blawken People of the Nergui Archipelago with Description of Their Ways of Living, Customs, Habits, Boats, Occupations, etc**, London, Seeley Service, 1922 dan Leopold Ainsworth, **A Merchant Venturer Among the Sea Gypsies**, London, Nisbet & Co., 1931.

35 Haji Wan Shamsuddin Mohd Yusof, "Pusat Pentadbiran Kedah Darulaman dari Bukit Meriam ke Kota Setar, Alor Setar 250 Tahun", Op. Cit., hal. 1-5.

36 Laluan perdagangan di laut pada masa itu ditentukan oleh arah tiupan angin monsun. Kedua dua angin monsun timur laut dan barat daya akan menentukan masa kapal datang dan pergi di pelabuhan negeri Melayu. Masa transit untuk berniaga hanya sementara menunggu perubahan angin untuk balik ke barat atau ke timur bagi kapal kapal dari luar. Demikian juga bagi kapal dari negeri Melayu apabila mereka melakukan perdagangan ke luar.

37 Lihat John Anderson, **Op. Cit.**, hal. 125-127.

38 Penulisan awal kawasan ini, lihat John Anderson, **Op. Cit.**, hal. 167-171, dalam penerangan mengenai "MUDA". Pengembaraan oleh pihak lain ke kawasan ini antaranya seperti catatan berikut:

a. E.W. Birch "The Taking Oger of Reman", JSBRAS, No. 54, 1909, hal. 147-153, teutamanya hal. 152-153.

b. _____ "My Trip to Belon", OSBRAS, No. 54, 1990, hal. 119-120.

c. Laporan C.F. Bozollo (Majisteret Hulu Perak) yang melawat ke Kelantan yang laporannya terdapat dalam CO 273/158: Gabenor Smith kepada Pejabat Tanah Jajahan, Rekod lawatan, 31 Jan. 1889, ff. 106-130.

d. Temubual dengan Encik Mat Karim bin Molek (47 tahun) Ketua Kampung Belon Baru, Mukim Kenering, Grik, Perak pada 22 September 1994 memaklumkan bahawa Kampung Belon (sekarang telah ditenggelami oleh Tasik Banding di bahagiannya) adalah tempat transit bagi perjalanan ke Kelantan dan juga ke Patani samada dari Perak mahupun dari Kedah. Beliau juga memaklumkan bahawa laluan lebuhraya Timur Barat hari ini sebahagiannya telah diterokai oleh Hurbert Berkeley, Pegawai Daerah Hulu Perak 1907-1926, bagi setiap kali lawatannya ke Tomoh dan Sempadan Kelantan.

e. Temubual dengan Tengku Syed Haji Alang Alwi bin Tuan Man (cicit Raja Reman terakhir) menceritakan bahawa pusat pemerintahan kerajaan melayu Reman (pecahan dari kerajaan Patani oleh Siam) ialah di Kota Bharu, Reman. Kedapatan banyak laluan dari Kota Bahru, Reman ke daerah-daerah pembesarnya di Betong (Siam), Belon, Kuala Kenerong (Grik), Kroh dan Temengor.

39 Ringkasan perjalanan ini dijelaskan lagi oleh A.W. Hamilton, "The Old Kedah-Patani Trade Route", JSBRAS, No.89, 1922, hal. 389-392.

40 Ini adalah laluan biasa yang dilalui oleh mereka yang datang dari Perlis dan Kedah ke Singgora. Laluan Kedah-Singgora ini menjadi asas kepada pembinaan jalan tanah merah oleh Sultan Kedah pada tahun 1864.

41 Ada dua laluan Setul-Singgora. Laluan terus dari Setul ke Singgora melalui sebelah utara ke Kuan Ning di tepi tasik Tale Sap di utara Singgora. Satu lagi laluan ialah di sebelah selatan Setul bercantum dengan laluan dari Perlis ke Singgora dan juga Alor Setar-Singgora.

42 Laluan ini adalah laluan utama dari Ligor ke pantai barat. Laluan ini telah digunakan semasa menyerang Kedah pada tahun 1821. Pihak British yang pertama mencuba laluan ini ialah Leftenan James Low tetapi gagal kerana ia tidak dibenarkan masuk ke Ligor. Lihat SSFR (IOL), Vol. 98, tanpa folio, dalam laporannya yang bertajuk "Journal of the Public Mission to the Rajah of Ligor", bertarikh 10 Ogos 1824. Bagi laluan di sebelah utara dari Ujong Salang sehingga ke Ranong menuju ke Ligor hingga ke Ban Thapan di pantai barat dapat di temui dalam "The Burney Papers", Vol.II, Pt. I, III dan IV, Bangkok, 1971. Bagi laluan Tennasserim, lihat "11 An Account of a Journey Across the Malay Peninsula From Koh Lak to Mergui", dalam Arthur Keith, JSBRAS, No. 24, 1891, hal. 31-41.

43 Shaharil Talib, **Op. Cit.**, hal. 213.

44 Kedah tertawan dalam tempoh satu hari apabila kedatangan mengejut tentera Siam (Ligor) pada 12 November 1821. Ia berselindung atas hasrat untuk meminta bantuan bahan makanan bagi misi penyerangan ke atas Burma. Lihat R. Bonney, **Op. Cit.**, hal. 166-167.

45 Ramai penulis yang telah membincangkan perkara ini, antaranya Jeyamalar Kathiritamby-Wells, "The Polotics of Commerce in Southeast Asia, An Historical Perspective", Syarahan Perdana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 15 Dis. 1992.

